

KERATAN:

Utusan Borneo

TARIKH:

1/3/2012

Fail Kebudayaan Etnik Sabah

M/S:

(B1)

SABA 0378/12

# Mengenali identiti



Seni &  
Budaya

## Kadayan di Labuan

Oleh ADRIAN NANDU  
adriannandu@gmail.com

**A**PABILA sesuatu nama tempat disebut, pasti sesetengah orang akan bertanya apakah kaum atau bangsa terbanyak yang mendiami di kawasan berkenaan.

Demikian juga dengan nama Pulau Labuan yang pernah digelar sebagai Pulau Mutiara Borneo, yang sememangnya terkenal dengan status bebas cukai seperti dinikmati oleh penduduknya sejak sekian lama.

Menurut sejarahnya, pulau ini telah dibuka oleh tiga buah keluarga mewakili tiga suku kaum iaitu Kadayan Salaa, Kadayan Tambing dan Kadayan Kianggi.

Menurut aktivis bahasa dan budaya Kadayan, Lamit Lamiding, 40, keunikan suku Kadayan di pulau ini berbanding dengan suku Kadayan di tempat lain seperti di Sipitang, Sabah ialah percantuman antara ketiga-tiga suku Kadayan utama itu.

"Rata-rata generasi Kadayan di sini tidak boleh mengaku yang mereka adalah salah satu daripada Kadayan Salaa atau Kadayan Tambing atau Kadayan Kianggi."

"Ini kerana suku Kadayan di sini sudah berkahwin campur antara tiga suku utama itu. Proses perkahwinan campur itu sudah berlaku sejak tiga buah keluarga itu membuka penempatan di pulau ini.

"Ini bermakna, pulau ini merupakan pertembungan antara ketiga-tiga suku utama kaum Kadayan di Borneo," katanya yang juga merupakan selebriti undangan di Labuan FM pada setiap



Jumaat hingga Ahad untuk slot bahasa Kadayan.

Lamit berkata, antara penempatan utama Kadayan di Borneo ialah di Sipitang Sabah, Brunei dan Sarawak iaitu di Lawas, Limbang dan Miri, selain terdapat sebuah perkampungan Kadayan di Kalimantan, Indonesia.

Jadi, menurut sejarahnya, pembukaan Labuan adalah hasil pertembungan dari tiga penjuru suku Kadayan iaitu dari Miri, Lawas termasuklah Limbang dan Sipitang.

Kadayan Salaa kebanyakannya mendiami kawasan Sipitang dan beberapa kawasan di Lawas dan Limbang.

Bagi Kadayan Tambing pula suku itu banyak terdapat di Miri, selain beberapa di Limbang dan Lawas. Manakala, Kadayan Kianggi majoritinya tinggal di Brunei.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika kaum Kadayan di sini mempunyai saudara mara di Sipitang, Brunei, Limbang, Lawas dan Miri. Lamit yang berketurunan

(Gambar  
atas)  
ANTARA  
dekorasi atau hiasan kaum  
Kadayan.

UB - 1/3/12 (B1)

campuran suku Salaa dan Tambing berkata, beliau mempunyai saudara-mara di sebelah Sipitang dan Miri.

Beliau berkata, masing-masing tiga suku utama itu mempunyai identitinya yang tersendiri selain mempunyai sedikit perbezaan dari segi loghat atau bahasanya dan juga amalan budaya.


"Suku Salaa menumpukan aktiviti harian mereka di kawasan darat iaitu hutan rimba dan bukit, di mana kemahiran utama mereka ialah seperti memburu, berkebun dan menjerat binatang.

"Bagi suku Tambing pula, kebanyakannya aktiviti mereka tertumpu di tebing sungai ataupun bergantung kepada hasil pencarian di kawasan sungai.

"Manakala suku Kianggi pula, kemahiran utama mereka ialah melalui hasil pencarian di laut seperti memukat dan sebagainya, selain melakukan sedikit aktiviti berkebun," katanya.

Walaubagaimanapun, kaum Kadayan secara keseluruhannya membina penempatan di kawasan darat dan bukannya di atas sungai.

Lamit berkata, percampuran antara ketiga-tiga suku utama itu terutamanya melalui perkahwinan telah mengakibatkan terjadinya perkembangan bahasa dan



(Gambar atas) **DIPANGGIL** sebagai 'sasaban' iaitu tempat memotong ikan.

(Gambar kanan) **JARING** sebagai perangkap rusa yang digunakan ketika memburu.

budaya kaum Kadayan di sini.

Namun, seiring dengan peredaran zaman, ramai anak muda di sini yang sudah hampir melupakan kesenian bahasa dan budaya kaum Kadayan yang diwariskan oleh nenek moyang mereka.

Lamit bercadang untuk menulis buku mengenai simpulan bahasa iaitu perumpamaan atau lebih dikenali sebagai *pa'amahan* dalam bahasa Kadayan agar generasi muda tidak lupa akan asal usul mereka serta menghargai khazanah bahasa mereka sendiri.

"Jika menurut seni bahasa kaum Kadayan, kaum kami lebih banyak menggunakan perumpamaan dalam perbualan seharian termasuk dalam apa jua upacara seperti merisik untuk tujuan perkahwinan.

"Sebagai contoh, jika pihak keluarga lelaki mahu merisik di rumah si gadis, keluarga lelaki akan bertanya kepada keluarga si gadis itu secara sindiran," katanya.

Dalam majlis merisik itu, keluarga lelaki itu akan berdialog dengan keluarga si gadis: "Kami ada mendengar khabar bahawa rumah di sini belum

ada kayu (lelaki yang ingin berkahwin) untuk atapnya dan kami ada membawa kayu itu."

"Kami juga mendengar di sini ada buah betik (gadis yang ingin dilamar) yang baik dan kami kira hendak mahu membawa balik buah betik itu ke kampung kami untuk menambahkan lagi buah betik."

Selain itu, jika si ibu atau bapa hendak menyindir anaknya yang jarang balik ke rumah untuk mengunjungi mereka si ibu atau si ayah akan berkata: "Rupanya bukan kamu yang mematahkan anak tangga itu."

Dialog di atas sudah pasti membuat telinga si anak terasa pedas akibat disindir oleh orang tuannya.

Selain itu, salah satu tarian suku kaum Kadayan yang seringkali ditarikan di majlis keramaian ialah Tarian Anding yang mempunyai sedikit persamaan dengan tarian tradisional Ulek Mayang di Terengganu.

Menurut Lamit, dalam tarian itu kesemua penarinya kelihatan banyak melakukan gerak tari dalam keadaan membongkok yang



UB - 1/3/12 (B1)



(Gambar  
kiri)

**GASING**  
adalah  
antara  
permainan  
utama suku kaum Kadayan  
di waktu lapang.

**DIPANGGIL** sebagai 'basung' oleh masyarakat Kadayan untuk 'menutuk' padi yang dilakukan oleh tiga orang. Dalam menutuk padi, suatu irama harmoni akan dihasilkan melalui hentakan kayu tersebut atau lebih dikenali sebagai 'lasung batingkul'.

disimbolkan sebagai kaum Kadayan perlu sentiasa merendahkan diri di dalam apa jua bidang sendainya sudah berjaya.

Namun, Lamit berkata sikap merendah diri atau '*low-profile*' yang ditunjukkan melalui tarian itu kadang-kadang menjadi kekangan kepada kaum Kadayan untuk maju ke hadapan.

Dari segi sejarahnya juga, kaum Kadayan pernah menjadi kepercayaan atau hulubalang kepada raja-raja di Borneo suatu ketika dahulu.

VB - 1/3/12 (BL)



**GAGAWI**  
Kawah untuk  
menggaul  
sago dan juga  
nasi oleh kaum  
Kadayan.



**CANDAS** iaitu alat untuk menikmati juadah ambuyat,  
salah satu makanan kegemaran kaum Kadayan.

UB - 1/3/12 (Bf)

(Gambar kiri) **MAINI**  
Mantil yang berasal dari  
Sipitang memperagakan  
pakaian tradisional dan  
perhiasan Kadayan ketika  
persandingan.

(Gambar bawah) **TUDUNG**  
dulang pelbagai warna  
yang digunakan sebagai  
penutup nasi.

